KERJA cucigali sungai berhampiran UKM yang menimbulkan kebimbangan penduduk berdekatan.

KOREK PASIR DEKAT PINTU MASUK UKM

Sungai makin hampiri rumah

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my
Bangi

Kegiatan mengorek pasir di sungai berhampiran Seksyen 3 Bandar Baru Bangi menimbulkan keraguan dan kebimbangan penduduk setempat kerana keadaan tebing sungai yang semakin melebar menghampiri rumah mereka.

Penduduk mendakwa, kegiatan itu yang terletak berhampiran pintu masuk Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu disedari awal tahun ini selepas melihat kekerapan lori keluar masuk ke kawasan tepi sungai itu, selain sebuah pondok didirikan berhampiran.

Pada awalnya penduduk tidak menghiraukan kewujudan kegiatan berkenaan, tetapi selepas sekian lama kegiatan itu bertambah rancak hingga ada penduduk mendakwa rumah retak selain bising kerana ia semakin menghampiri kediaman mereka.

Penduduk yang ingin dikenali sebagai Ahmad, 42, berkata, kawasan operasi projek berkenaan tidak sesuai kerana jaraknya hanya 100 meter dari kawasan perumahan didiami hampir 250 keluarga.

"Setiap hari kami mendengar bunyi bising jentera apabila kerja korek pasir dilakukan mereka dari jam 8 pagi hingga 8 malam termasuk pada hujung minggu," katanya.

> **"Permit diluluskan adalah sepanjang 10 kilometer bermula dari Seksyen 7, Bandar Baru Bangi hingga Kampung Teras Jernang"**
> *Dr Azimuddin Bahari*

Beliau bimbang kerana keadaan tebing sungai itu semakin terhakis dan boleh menyebabkan rumah terletak berhampiran terjejas jika operasi itu tidak dikawal.

Seorang lagi penduduk dikenali sebagai Abdullah, 35, berkata, lori dilihat sering memasuki kawasan sungai itu mengangkut pasir dikorek jentera.

"Kami tidak tahu mereka siapa atau apa tujuan mereka. Kehadiran mereka juga amat mencurigakan," katanya.

Sementara itu, seorang kakitangan UKM Bangi dikenali sebagai Ayem, 50, berkata, dia kerap melalui jambatan itu dari rumahnya di Seksyen 4 ke pusat pengajian.

"Saya mula menyedari kegiatan ini lebih enam bulan lalu. Kadang-kadang saya melihat mereka mengorek pasir menggunakan jentera dan mengangkut pasir itu dengan lori," katanya.

Harian Metro yang menjejaki kegiatan mengorek pasir itu dimaklumkan, operasi di situ mendapat permit sah dimiliki Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) yang ditubuhkan kerajaan negeri bagi mempelopori industri pasir dan bahan batuan serta mineral lain secara bersepadu bagi menjayakan Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Azimuddin Bahari mengesahkan, KSSB adalah pemegang permit yang sah bagi operasi cucigali sungai berhampiran UKM dan kawasan perumahan Seksyen 3, Bandar Baru Bangi, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat itu.

"Projek di Sungai Langat ini mendapat kelulusan daripada Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat.

"Permit yang diluluskan adalah sepanjang 10 kilometer bermula dari Seksyen 7, Bandar Baru Bangi hingga ke Kampung Teras Jernang untuk tempoh setahun sehingga Disember ini.

"Selain itu, KSSB akan memastikan aktiviti ini mematuhi semua peraturan ditetapkan oleh agensi berkaitan," katanya.